



STATUS RIWAYAT PERAWI MAJHUL ANTARA PENERIMAAN DAN PENOLAKAN

(The Status of Narrations by *Majhul* Narrators: Acceptance or Rejection)

A Irwan Santeri Doll Kawaid¹, Helimy Aris², Wan Kamal Nadzif Wan Jamil³

^{1,2}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Abstract

The term *Majhul* denotes a classification within the study of hadith narrators, reflecting ambiguity regarding their reliability in transmitting prophetic traditions. This designation is commonly employed by hadith scholars to signify uncertainty about a narrator's character and trustworthiness. As a result, narrators categorized as *Majhul* are predominantly deemed *dha'if* (weak) by the majority of scholars, rendering the hadiths they transmit equally *dha'if* due to the inherent uncertainty surrounding their reliability. Extensive discussions on this classification are found across the corpus of 'Ulum al-Hadith (The Sciences of Hadith). Nevertheless, is there a consensus among scholars that narrations from *Majhul* narrators are categorically *dha'if*? Or do divergent scholarly perspectives exist concerning the acceptability of their narrations? If alternative views are present, what are the arguments underpinning the assertion that such narrations are not *dha'if*? This study endeavors to critically examine the status of *Majhul* narrators by analyzing the factors that lead to their classification as weak, the degree of their weakness, and the validity of their narrations through the application of a rigorous content analysis methodology.

Keywords: *Majhul*, narrator, prophetic traditions, narration.

Article Progress

Received: 12 June 2024

Revised: 24 July 2024

Accepted: 10 September 2024

*Corresponding Author:

A Irwan Santeri Doll
Kawaid.

Fakulti Pengajian Quran
dan Sunnah, Universiti
Sains Islam Malaysia

Email:

a.irwan@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Hadis Nabi SAW menerima cabaran besar di awal zaman perkembangan Islam lantaran berlaku pemalsuan terhadapnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Untuk mengelakkan perkara ini daripada berleluasa dan bertambah parah, para ulama berusaha melakukan pelbagai cara bagi mengekang dan menanganinya. Antara usaha yang mereka adalah dengan tidak menerima periwayatan daripada perawi yang meragukan, mengkaji sanad dan perawi, membukukan hadis, mendedahkan keadaan perawi dan sebagainya.¹ Ekoran itu juga, mereka meletakkan syarat-syarat penerimaan hadis. Syarat tersebut adalah: (i) sesuatu hadis itu mestilah diriwayatkan dengan sanad yang bersambung, (ii) diriwayatkan oleh para perawi yang bersifat *al-'Adalah*² dan (iii) diriwayatkan oleh para perawi yang bersifat *al-Dhabt*³, (iv) tidak terdapat

¹ Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. 1403H. *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith*. Dar al-Fikr al-'Arabiyy. Hlm. 11.

² *Al-'Adalah* (العدالة) adalah satu sifat yang bererti budi pekerti yang baik dan bertakwa. Lihat Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. 1997. *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, hlm. 69.

³ *Al-Dhabt* dari sudut bahasa adalah ikatan. Dari sudut istilah pula adalah kemampuan seorang perawi dalam menyampaikan sesuatu hadis yang diterimanya dengan sempurna walaupun hanya dari sudut maknanya sahaja. *Dhabt* terbahagi kepada dua: *Dhabt Sadr* (ضبط صدر) : iaitu kemampuan perawi dalam menyimpan sesuatu hadis

*al-Syuzuz*⁴ dan (v) tidak terdapat *al-'Illah*⁵ pada *matan* dan *sanadnya*.⁶ Berkaitan syarat *al-'Adalah*, syarat ini dijelaskan dengan beberapa kriteria, iaitu perawi mestilah:

1. Beragama Islam;
2. Baligh;
3. Berakal;
4. Tidak fasik amalan atau akidah;
5. Menjaga *Muruah* (المروءة)⁷.

Berdasarkan kriteria syarat *al-'Adalah* ini, dapat difahami bahawa perawi yang bukan Islam, tidak baligh, gila, fasik, dan tidak bermaruah tidak diterima hadisnya.⁸ Kriteria ini disyaratkan bagi mengelakkan daripada orang yang tidak berkelayakkan atau bermasalah diterima hadisnya lalu riwayatnya yang berkemungkinan tidak benar akan menimbulkan masalah kepada ajaran Islam.

Istilah *Majhul* adalah antara istilah berkaitan perawi yang banyak digunakan dalam ilmu hadis. Dari sudut etimologi, kata *Majhul* berasal daripada kata '*jahila*' (جهل) yang bererti tidak mengetahui.⁹ Kata '*majhul*' yang merupakan kata terbitan perkataan tersebut bermaksud orang atau benda yang tidak diketahui atau dikenali. Kata terbitan kata kerjanya pula adalah '*al-Jahl*' (الجهل) dan '*al-Jahalah*' (الجهالة).¹⁰ Penggunaan istilah ini dari sudut bahasa pada perawi hadis menggambarkan bahawa dia tidak dikenali. Namun, apakah maksud sebenar istilah ini di sisi ulama hadis, adakah ia bermaksud bahawa perawi tersebut tidak dikenali oleh sesiapa pun atau terdapat penjelasan lain tentangnya, apakah status periwayatannya dan jika periwayatannya ditolak, apakah dasar penolakannya dan di tahap manakah penolakan terhadapnya?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif secara analisis kandungan. Data-data dikumpulkan menggunakan kaedah analisis dokumen primer dan sekunder menerusi pembacaan buku-buku, artikel, dan makalah ilmiah. Bahan rujukan utama penulis ialah kitab berkaitan ilmu hadis dan Ilmu Rijal. Manakala, data analisis menggunakan metode deskriptif melalui analisis kandungan.

DEFINISI

Istilah *majhul* adalah antara istilah awal yang digunakan oleh para ulama ketika memberi gambaran tentang keadaan kredibiliti perawi hadis. Imam 'Ali bin al-Madini (w 234 H), Abu Hatim (w 277 H) dan Ibn Abi Hatim (w 327 H) antara ulama hadis awal yang dikesan menggunakan istilah ini ketika

dalam ingatan dan menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya. *Dhabt Kitab* (ضبط كتاب) : iaitu kemampuan perawi dalam menyimpan sesuatu hadis dalam catatan tulisan dan menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya setelah dia memeliharanya atau mencatatkannya. Ibn Hajar, ibid, hlm. 69.

³ Abu Syahbah, op cit. hlm. 228.

⁴ *al-Syuzuz* ialah suatu percanggahan periwayatan di antara seorang perawi yang *thiqah* dengan periwayatan perawi-perawi *thiqah* yang lain. Abu Syahbah, ibid. hlm. 228.

⁵ *Illah* pula ialah suatu kesilapan halus yang terdapat dalam sesuatu hadis yang menyebabkannya dianggap bermasalah. Ibid. hlm. 228.

⁶ Ibn Salah, 'Utman bin 'Abd al-Rahman. 2001. *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah. Hlm. 13.

⁷ Ibid. Hlm. 104.

⁸ Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. 1411H. Difa' 'an al-Sunnah wa Rad Syubah al-Mustasyriqin wa al-Kuttab al-Mu'asirin. Cet. 1. Beirut: Dar al-Jail. Hlm 209.

⁹ Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukram. T.t. Lisan al-'Arab. Beirut: Dar Shadir. Jld. 11. Hlm 129.

¹⁰ Ibid.

mereka memberi komentar tentang keadaan perawi hadis.¹¹ Namun penggunaan mereka terhadap istilah ini dilihat hanyalah berbentuk penggunaan dari sudut bahasa, iaitu perawi tersebut tidak dikenali.¹² Penggunaan mereka tidak mengandungi maksud lain selain maksud tersebut.

Konotasi istilah ini mula menunjukkan kepada maksud tertentu setelah dijelaskan buat pertama kalinya oleh Imam al-Khatib al-Baghdadi (w 463 H).¹³ Menurut beliau: “*Dia adalah perawi yang tidak terkenal dengan menuntut ilmu, para ulama tidak mengenalinya, dan hadisnya hanya diketahui diriwayatkan daripada seorang perawi sahaja...Bagi menghilangkan sifat ‘tidak dikenali’ (الجهالة) daripadanya hendaklah terdapat dua orang atau lebih ulama yang masyhur meriwayatkan daripadanya. Namun, perkara ini tidak akan menyebabkan dia menjadi ‘adil walaupun ada pihak yang beranggapan begitu.*”¹⁴

Daripada penjelasan beliau, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga kriteria bagi perawi majhul, iaitu 1. Tidak dikenali dengan menuntut ilmu 2. Para ulama tidak mengenalinya 3. Hanya seorang sahaja yang meriwayatkan hadis daripadanya. Selain itu, bagi menghilangkan sifat ‘tidak dikenali’ daripada perawi tersebut, perlu terdapat dua orang atau lebih tokoh ulama yang meriwayatkan daripadanya.

Bagi Imam Ibn al-Salah (w 643 H), perawi *majhul* ada beberapa jenis, 1. Perawi yang tidak diketahui ‘*Adalahnya* secara zahir dan batin, 2. Perawi yang tidak diketahui ‘*Adalahnya* secara batin sahaja. Perawi ini juga diistilahkan dengan *al-Mastur*. 3. Perawi yang tidak diketahui personalitinya (*Majhul al-‘Ain*).¹⁵

Menurut sebahagian pengkaji, yang dimaksudkan dengan tidak diketahui ‘secara zahir’ adalah tentang beragama Islam, telah baligh dan berakal dan maksud tidak diketahui ‘secara batin’ pula adalah bersifat dengan sifat bermaruah dan tidak fasik.¹⁶ Namun, menurut al-Zarkashi¹⁷, al-Qari¹⁸, Nur al-Din ‘Itr¹⁹ dan Abdullah al-Juday²⁰ ‘*Adalah Zahirah* adalah pengetahuan secara zahir tentang keislaman, kewarasan, maruah dan tidak fasik. Sementara ‘*Adalah Batinah* pula adalah kelayakan seseorang dalam periwayatan hadis yang perlu dirujuk kepada penilai perawi yang berautoriti. Pandangan ini adalah selari dengan kenyataan Ibn al-Salah ketika membicarakan tentang *al-Mastur*.

Majhul al-‘Adalah adalah istilah bagi perawi yang tidak diketahui kredibilitinya tetapi terdapat dua orang atau lebih telah meriwayatkan hadith daripadanya²¹. *Al-Mastur* pula seperti yang dijelaskan oleh Ibn al-Salah sendiri ialah perawi yang belum dikenal pasti kelayakannya tetapi bukan seorang yang banyak melakukan kesilapan dalam periwayatan, tidak dituduh sebagai pemalsu hadis dan melakukan perkara fasik²². Istilah *Majhul* secara batin pula diistilahkan oleh ulama lain sebagai *Majhul al-Hal* kerana perawi tersebut tidak diketahui kredibilitinya tetapi diketahui namanya atau personalitinya daripada orang yang meriwayatkan daripadanya. Difahami bahawa *Majhul al-‘Ain* menurut beliau

¹¹ Al-Tabisyi, Sultan Fahd. Al-Majhul al-Lazi Sahlaha Abu Hatim al-Razi Hadithahu. Hauliyyah Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah, 6 (17). Hlm. 323.

¹² Ibid. Hlm. 323.

¹³ Qasim Muhammad Ghanam & Ahmad Abdullah Ahmad. 2004. Al-Majhul ‘inda al-Imam ‘Ali ibn al-Madini. Al-Manarah, 10 (1). Hlm 360.

¹⁴ Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar ‘Ali bin Thabit. 1972. Al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah. Kaherah: Al-Kutub al-Hadithah. Hlm. 88.

¹⁵ Ibn Salah, op cit, hlm. 223.

¹⁶ Al-Tabisyi, op cit. Hlm. 334.

¹⁷ Al-Zarkasyi, Badr al-Din Ibn Muhammad. 1998. Al-Nukat ‘ala Muqaddimat Ibn al-Salah. Riyadh: Adwa’ al-Salaf. Jil.3, Hlm. 378

¹⁸ Al-Qari, Ali Ibn Sultan. tt. Sharh Nukhbat al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar. Beirut: Dar al-Arqam. Hlm. 518

¹⁹ Nur al-Din ‘Itr. 1981. Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Hadith. Damascus: Dar al-Fikr. Hlm. 90

²⁰ Al-Juday’, Abd Allah Ibn Yusuf. 2003. Tahrir ‘Ulum al-Hadith. Beirut: Muassasat al-Rayyan li al-Tiba’ah wa al-Nashr. Jil. 1, Hlm. 249

²¹ Al-Suyuti, Jalal al-Din & al-‘Ajami. Ahmad Ibn Ahmad. 2016. Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi, Hashiyat al-Tadrib. Tahqiq Muhammad ‘Awwamah. Jeddah: Dar al-Minhaj. Jil. 4, Hlm. 81.

²² Ibn Salah, op cit, hlm. 100

adalah perawi yang tidak diketahui personalitinya kerana maksud ‘ain di sini adalah batang tubuh. Secara praktikalnya ia merujuk kepada individu yang disebut namanya dalam sesuatu sanad tetapi kredibilitinya tidak diketahui. Berdasarkan nukilan kenyataan al-Khatib yang dibuat oleh Ibn al-Salah sejurus selepas menyebut tentang *Majhul al-‘Ain*, menunjukkan bahawa beliau bersetuju bahawa *Majhul al-‘Ain* ialah perawi yang hanya tidak dikenali ahli hadis melainkan melalui seorang murid yang meriwayatkan hadis daripadanya atau yang diistilahkan sebagai *al-Wuhdan*.

Imam al-Iraqi (w 806 H) mengikuti Ibn al-Salah (w 643 H) dalam membahagikan *majhul* kepada tiga jenis. Beliau menyatakan dalam kitab *nazamnya*:

وَاحْتَلَفُوا: هَلْ يُقْبَلُ الْمَجْهُولُ؟ ... وَهُوَ -عَلَى ثَلَاثَةٍ- مَجْهُولٌ

مَجْهُولٌ عَيْنٍ: مَنْ لَهُ رَأوٍ فَقَطْ ... وَرَدَّهُ الْاِكْثَرُ، وَالْقِسْمُ الْوَسْطُ:

مَجْهُولٌ حَالٍ بَاطِنٍ وَظَاهِرٍ ... وَحُكْمُهُ: الرَّدُّ لَدَى الْجَمَاهِرِ،

وَالثَّلَاثُ: الْمَجْهُولُ لِلْعَدَالَةِ ... فِي بَاطِنٍ فَقَطْ. فَقَدْ رَأى لَهُ

حُجَّةً -فِي الْحُكْمِ- بَعْضُ مَنْ مَنَعَ ... مَا قَبَلَهُ، مِنْهُمْ (سَلِيمٌ) فَقَطَعَ

Terjemahan: “Mereka (ulama) berselisih pandangan tentang *majhul* adakah riwayatnya diterima. Ia terbahagi kepada tiga: 1. *Majhul ‘Ain*, iaitu perawi yang hanya meriwayatkan daripadanya seorang perawi. Kebanyakan ulama menolak hadisnya. 2. Yang di tengah adalah keadaannya *majhul* secara zahir dan batin. Hukum hadisnya ditolak oleh majoriti ulama. Yang ketiga: *Majhul al-‘Ain* – Adalah secara batin sahaja. Setengah ulama yang menolak bahagian sebelumnya – iaitu *Majhul al-‘Ain* – menerimanya, iaitu seperti Imam Sulaim.”²³

Imam Ibn Hajar (w 852 H) juga mempunyai beberapa penjelasan tentang perawi *majhul*. Dalam kitab beliau, iaitu *Nuzhah al-Nazar*, beliau hanya membahagikan *al-Majhul* kepada dua bahagian sahaja iaitu *Majhul al-‘Ain* dan *Majhul al-Hal*. Menurut beliau, *Majhul al-Hal* adalah sinonim dengan *al-Mastur* iaitu perawi yang telah diketahui identitinya (‘Ain) tetapi tidak diketahui kredibilitinya. *Majhul al-‘Ain* pula ialah perawi yang diketahui namanya tetapi tidak diketahui identitinya dan hanya seorang sahaja yang meriwayatkan hadis daripadanya. Hukum hadisnya adalah tidak diterima seperti hadis perawi *Mubham* iaitu yang tidak diketahui namanya sama sekali.²⁴

Menurut Nur al-Din ‘Itr, pembahagian Ibn Hajar tersebut lebih praktikal buat masa ini disebabkan sumber pengkaji hadis semasa hanya terbatas kepada biografi perawi yang ditulis oleh sarjana-sarjana silam. Oleh itu, mustahil dapat dibezakan antara perawi yang berstatus *Majhul al-Hal* dan *al-Mastur* sebagaimana yang mampu dilakukan oleh para penilai perawi pada zaman dahulu disebabkan mereka hidup sezaman dengan perawi yang dinilai.²⁵

Pada tempat lain dalam kitab yang sama beliau mengatakan bahawa: “*Jahalah perawi ialah orang yang tidak diketahui terdapat komentar yang baik atau kritikan tertentu padanya.*”²⁶ Ketika membicarakan tentang kecacatan-kecacatan pada kredibiti perawi dalam tempat yang lain, beliau berkata: “*al-Jahalah,*

²³ Al-Iraqi, ‘Abd al-Rahim bin al-Husain. 1428H. *Alfiyah al-Iraqi*. Riyadh: Dar al-Minhaj. Hlm. 119.

²⁴ Ibn Hajar. 2000. *Nuzhat al-Nazar*. Damacus:Matba’at al-Sabah. Hlm. 101-102

²⁵ Nur al-Din ‘Itr. Op.cit. Hlm. 91

²⁶ Ibn Hajar. Op. cit. Hlm. 107.

faktornya adalah disebabkan 1. seorang perawi terkadang disebutkan dengan pelbagai pengenalan; nama, kuniyyah, gelaran, pekerjaan dll, tetapi dia disebutkan dengan pengenalan yang dia tidak dikenali dengan pengenalan tersebut... 2. terkadang dia mempunyai sedikit hadis dan tidak ramai yang meriwayatkan daripadanya 3. jika disebutkan namanya (dalam sanad) dan hanya seorang sahaja perawi yang meriwayatkan daripadanya, dia adalah Majhul al-‘Ain 4. jika terdapat dua orang atau lebih yang meriwayatkan daripadanya, akan tetapi tidak terdapat komentar ulama tentangnya dia adalah Majhul al-Hal dan dia juga adalah al-Mastur.”²⁷

Pada penjelasan kedua, jenis *majhul* yang disebutkan yang pertama dilihat lebih kepada istilah *mudallis*. Sedangkan jenis *majhul* yang kedua pula dilihat lebih kepada masalah perawi yang mempunyai sedikit hadis. Jenis *majhul* yang ketiga dan keempat adalah yang *majhul* yang diperkatakan oleh Imam al-Khatib al-Baghdadi dan Imam Ibn al-Salah.

Berdasarkan pandangan ulama awal dalam Ilmu Hadis tadi, ramai ulama setelah mereka yang mengikut jejak mereka dalam menjelaskan maksud istilah *majhul*. Lalu mereka menjelaskan bahawa *Majhul al-‘Ain* adalah perawi yang hanya meriwayatkan daripadanya seorang perawi sahaja dan diketahui personalitinya, iaitu melalui namanya, tetapi tidak diketahui kredibilitinya. *Majhul al-Hal* pula adalah perawi yang meriwayatkan daripadanya dua orang perawi atau lebih kerana diketahui personalitinya, iaitu namanya, tetapi tidak diketahui kredibilitinya kerana tidak terdapat komentar ulama tentangnya. *Mubham* pula adalah perawi yang tidak diketahui personaliti dan kredibilitinya iaitu kerana tidak diketahui nama dan juga kredibilitinya.²⁸ Mahmud Tahhan pula mendefinisikan *majhul* sebagai: perawi yang tidak dikenali personaliti dan sifatnya.²⁹

STATUS RIWAYAT PERAWI MAJHUL

Status riwayat perawi *majhul* didapati diperselisihkan oleh ulama sepertimana yang dikatakan oleh al-Iraqi (w 806 H). Bagi melihat kepada perbezaan pandangan ulama pada masalah ini, berikut dibawakan beberapa pandangan mereka:

Imam Syafie (w 204 H) sebagai ulama awal yang menulis dalam ilmu hadis, beliau menyatakan bahawa para ulama tidak menerima riwayat daripada orang yang mereka tidak kenali. Begitu juga dengan perawi yang mereka tidak mengetahui tentang kejujuran dan kebajikannya.³⁰ Menurut beliau, Ibn Sirin (w 101 H), al-Nakhai (w 96 H) dan ramai lagi ulama daripada kalangan tabi’in yang berpendapat bahawa tidak boleh menerima riwayat kecuali daripada orang yang dikenali. Beliau lalu berkata: “*Aku tidak menjumpai sesiapa pun daripada ahli hadis yang berbeza pandangan dalam perkara ini.*”³¹

Ibn Rajab al-Hanbali (w 795 H) ada menukilkan pandangan Imam Ahmad (w 241 H) dalam masalah ini. Menurut beliau, Imam Ahmad secara umumnya berpandangan bahawa riwayat perawi *Majhul al-Hal* tidak sahih dan tidak diterima.³² Beliau sendiri turut berpandangan bahawa hadis perawi yang tidak diketahui kejujurannya seperti perawi *Majhul al-Hal* adalah ditolak. Begitu juga halnya dengan perawi yang dikenali dengan selain daripada perkara yang berkaitan kejujurannya.³³

²⁷ Ibid. hlm. 277.

²⁸ Lihat ‘Itr, Nur al-Din. 1997. *Manhaj al-Naqdi fi ‘Ulum al-Hadith*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Hlm. 89-90.

²⁹ Mahmud Tahhan. 1996. *Taisir Mustalah al-Hadith*, al-Riyad: Maktabah al-Ma’arif. Hlm. 50.

³⁰ Al-Syafie, Muhammad bin Idris. 1990. *Ikhtilaf al-Hadith*. Beirut: Dar al-Ma’rifah. Jld. 8. Hlm. 591.

³¹ Al-Syafie, Muhammad bin Idris. 2001. *al-Umm*. Kaherah: Dar al-Wafa, jld. 6. Hlm. 112.

³² Ibn Rajab, ‘Abd al-Rahmān ibn Ahmad. *Sharh ‘ilal al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jld. 2. Hlm 577.

³³ Ibid.

Abu Daud (w 276 H) secara praktikalnya pernah menghukum satu hadis sebagai *dha'if* disebabkan terdapat dalam sanadnya seorang perawi *majhul*. Perawi tersebut adalah Muhammad bin Hassan. Beliau berkata: “Dia *majhul* dan hadis ini *dha'if*.”³⁴ Begitu juga pandangan al-Bayhaqi (w 458 H).³⁵

Ibn Hibban (w 354 H) berbeza pandangan dengan ulama lain dalam masalah ini. Bagi beliau, orang yang tiada kritikan pada kredibilitinya, dia adalah *thiqah* sehinggalah terdapat pandangan jelas tentang masalah kredibilitinya kerana orang ramai tidak dipaksa menentukan suatu perkara yang mereka tidak mengetahuinya.³⁶

Imam Sulaim bin Ayyub al-Razi (w 447 H) berpandangan bahawa penilaian perawi adalah bergantung kepada sangkaan baik. Sukar untuk mengetahui keadaan batin seseorang perawi. Justeru, hanya keadaan zahirnya sahaja yang dinilai. Hal ini berbeza dengan masalah kelayakkan seorang saksi dalam kes mahkamah. Perihal zahir dan batinnya tidak sukar diketahui oleh seseorang hakim.³⁷ Menurut Ibn al-Salah (w 643 H), pandangan inilah yang diaplikasikan dalam banyak kitab hadis. Hal ini disebabkan sukar untuk mengetahui keadaan batin perawi.³⁸ Selain itu, beliau turut menukikan pandangan majoriti ulama dalam masalah ini. Menurut beliau, riwayat perawi *mubham* ditolak oleh majoriti ulama. Riwayat perawi *Majhul al-Hal* pula diterima oleh sebahagian ulama.³⁹

Bagi Ibn al-Muwaq (w 642 H), beliau mendapati bahawa ulama tidak berbeza pandangan tentang menolak riwayat perawi *majhul* kecuali daripada ulama mazhab Hanafi.⁴⁰

Imam al-Haramain, Abdullah bin Yusuf al-Juwaini (w 478 H) pula berpandangan bahawa riwayat *Majhul al-Hal* atau *al-Mastur* tiada apa-apa hukum (*mawquf*) terhadapnya sehinggalah jelas keadaannya.⁴¹

Imam al-Iraqi (w 806 H) membawakan beberapa pandangan tentang riwayat perawi *Majhul al-'Ain*. Pandangan tersebut adalah:

1. Ditolak. Pandangan ini adalah pandangan kebanyakan ulama.
2. Diterima secara total. Menurut beliau, ini adalah pandangan ulama yang hanya mensyaratkan syarat muslim ke atas perawi.
3. Jika perawi yang meriwayatkan daripada perawi *Majhul al-'Ain* dikenali dengan mempunyai kebiasaan tidak meriwayatkan kecuali daripada perawi yang *thiqah*, maka riwayatnya diterima.
4. Jika seseorang perawi *Majhul al-'Ain* itu dikenali dengan perkara lain selain daripada keahlisan dalam ilmu hadis seperti ahli zuhud dan perang, riwayatnya juga diterima.

³⁴ Abu Daud, Sulayman bin al-Asy'ath. 2009. Sunan Abu Daud. T.t.: Dar al-Risalah al-Ilmiyyah. Jld. 7. Hlm. 542.

³⁵ al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. 1997. Al-Asma' wa al-Shifat. T.t.: Dar al-Yayl. Jld. 2. Hlm. 362.

³⁶ Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. 2002. *Lisan al-Mizan*. T.t.: Dar-al-Basyair al-Islamiyyah. Jilid. 1. Hlm. 14.

³⁷ Ibn Salah, op cit. Hlm. 112.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid. Hlm. Hlm. 111.

⁴⁰ Al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman, 1426H. al-Fath al-Mughith. Riyadh: Dar al-Minhaj. Jld. 2. Hlm 47.

⁴¹ Al-Mardawi, 'Ali bin Sulaiman. 2000. Al-Tahbir fi Syarh al-Tahrir. Riyadh: Maktabah al-Rusyd. Jld. 4. Hlm 1902.

5. Riwayatnya diterima jika terdapat komentar baik tentang kredibilitinya oleh salah seorang ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil* meskipun hanya terdapat seorang perawi meriwayatkan daripadanya.⁴²

Bagi Imam al-Zarkasyi, riwayat perawi *Majhul al-'Ain* tidak diterima jika tidak terdapat sokongan daripada riwayat lain.⁴³ Imam al-Khattabi (w 388 H) pula menyatakan bahawa: “*Hadis dha'if terbahagi kepada beberapa peringkat, yang terburuk adalah hadis palsu, kemudian hadis al-Maqlub, kemudian al-Majhul.*”⁴⁴ Pandangan ini menunjukkan bahawa hadis perawi *majhul* termasuk dalam kategori hadis *dha'if*.

Imam al-Zahabi (w 748 H) berpandangan bahawa hadis perawi *Majhul* daripada kalangan generasi *tabi'in* yang senior dan pertengahan boleh diterima kerana bersangka baik terhadap mereka. Dengan syarat tidak terdapat percanggahan serta kejanggalan dari sudut bahasa dalam hadis mereka. Hadis perawi *majhul* daripada kalangan generasi *tabi'in* yang junior pula perlu dihukum secara berhati-hati. Ia bergantung kepada siapa yang meriwayatkan daripada mereka, adakah mereka berkredibiliti tinggi atau tidak. Adapun hadis perawi *majhul* daripada generasi *atba' tabi'in* dan seterusnya hadis mereka sangat *dha'if* terutamanya jika mereka bersendirian dalam periwayatan.⁴⁵

Ibn Kathir (w 774 H) dilihat seolah-olah bersependapat dengan al-Zahabi dalam hal ini. Beliau berpandangan bahawa perawi *mubham* yang tidak disebutkan namanya atau disebutkan namanya tetapi tidak diketahui personalitinya, riwayatnya tidak diterima. Namun, jika dia daripada kalangan generasi *tabi'in* atau daripada kurun yang diakui baik, riwayatnya diterima atas dasar sokongan.⁴⁶ Bagi Imam al-Zarkasyi (w 794 H), riwayat perawi *Majhul al-'Ain* tidak diterima jika tidak terdapat sokongan daripada riwayat lain.⁴⁷

Ibn Hajar berpandangan bahawa riwayat *Majhul al-'Ain* adalah sama seperti riwayat *Mubham*, iaitu riwayatnya ditolak kecuali jika terdapat seorang ulama selain yang meriwayatkannya daripadanya serta memberi komentar baik tentang kredibilitinya. Jika orang yang memberi komentar baik terhadapnya adalah perawi yang meriwayatkan hadis daripadanya, ia juga boleh melayakkan hadisnya diterima sekiranya pemberi komentar tersebut adalah orang yang berautoriti. Adapun tentang riwayat *Majhul al-Hal*, beliau mengatakan bahawa terdapat segolongan ulama menerimanya tanpa syarat sedangkan majoriti ulama menolaknya. Namun begitu, beliau sependapat dengan Imam al-Haramain yang berpandangan bahawa tidak boleh memberi kata putus menerima atau menolak hadisnya sehingga jelas keadaannya.⁴⁸

Dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*, kenyataan Abu Hatim menunjukkan status perawi *majhul* adalah berbeza dengan perawi *dha'if*. Menurut beliau, jika seseorang perawi itu diketahui

⁴² Al-Iraqi, 'Abd al-Rahim bin al-Husain. 2002. *Syarh al-Tabshirah wa al-Tazkirah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm. 350.

⁴³ Al-Zarkasyi, Muhammad bin Jamal al-Din (1998). *Al-Nukat 'alā Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*. Riyāḍh: Aḍwā al-Salaf. Jld. 3. Hlm. 382.

⁴⁴ Al-Khattabi, Hamd bin Muhammad. 1932. *Ma'alim al-Sunan*. Aleppo: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah. Jld. 1. Hlm. 6.

⁴⁵ Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad. 1967. *Diwan al-Dhu'afa wa al-Matrukin wa Khalqun min al-Majhulin wa Thiqaat fi him* Lin. Mekah: Maktabah al-Nahdhah al-Hadithah. Hlm. 478.

⁴⁶ Ahmad Muhammad Syakir. 1979. *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath. Hlm. 218.

⁴⁷ Al-Zarkasyi, Muhammad bin Jamal al-Din (1998). *Al-Nukat 'alā Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*. Riyāḍh: Aḍwā al-Salaf. Jld. 3. Hlm. 382.

⁴⁸ Ibn Hajar. Op cit. Hlm. 126.

sebagai seorang yang *dha'if*, maka riwayat perawi lain yang *thiqah* (terpercaya) daripadanya tidak akan menguatkan riwayatnya. Tetapi jika dia seorang yang *majhul*, riwayat perawi lain yang *thiqah* daripadanya boleh menguatkan riwayatnya.⁴⁹ Ketika menjelaskan istilah-istilah al-Jarh wa al-Ta'dil yang digunakan oleh Ibn Abi Hatim, Ibn al-Salah telah menyebut istilah *Majhul* sebagai salah satu lafaz al-Jarh wa al-Ta'dil tetapi tidak menyatakan secara spesifik adakah ia sebahagian daripada tingkatan lafaz *al-Jarh* atau sebaliknya. Dalam menghuraikan kenyataan Ibn al-Salah, al-Suyuti pula secara jelas meletakkanya dalam peringkat lafaz *al-Jarh* yang ketiga iaitu sebaris dengan istilah *dha'if*. Beberapa sarjana hadis yang menulis tentang biografi perawi hadis kelihatan seolah-olah membezakan istilah *dha'if* dan *majhul*. Antara mereka ialah Ibn Kathir melalui judul bukunya iaitu: *al-Takmil fi Ma'rifat al-Thiqat wa al-Du'afa' wa al-Majahil*. Begitu juga Muhammad Ibn Yūsuf al-Salihi melalui judul buku beliau iaitu: *Tashīl al-Sabīl ilā Ma'rifat al-Thiqāt wa al-Du'afā' wa al-Majāhīl*. Ia menguatkan pandangan yang memilih tawaqquf iaitu tiada keputusan muktamad mengenainya sama ada ditolak atau diterima.

Muhammad 'Awwamah juga berpandangan status riwayat perawi *majhul* tidak boleh dinilai sebagai *dha'if* meskipun ia juga bukan bermaksud hadisnya adalah *sahih* atau *hasan*. Apabila terdapat jalur lain yang menyokong riwayatnya, statusnya hadisnya boleh dinilai sebagai *hasan* sepertimana sebahagian hadis *dha'if*.

Ibn Hajar meletakkan perawi *al-Mastur* atau *Majhul al-Hal* di peringkat yang ketujuh dalam pengelasan perawi. Perawi *Majhul al-'Ain* pula diletakkan dalam peringkat yang kesembilan.⁵⁰ Namun, beliau tidak menjelaskan status hadis bagi setiap peringkat tersebut. Menurut pandangan Ahmad Syakir (ulama yang menjelaskan tentang status hadis daripada pengelasan perawi oleh Ibn Hajar), status hadis perawi *al-Mastur* atau *Majhul al-Hal* adalah lemah. Bagi beliau, perawi di peringkat kedua dan ketiga hadisnya adalah *sahih* di peringkat pertama yang kebanyakannya terdapat dalam al-Sahihayn. Perawi di peringkat keempat pula hadisnya adalah *sahih* di peringkat kedua. Hadis kategori inilah yang dihukumkan *hasan* oleh al-Tirmizi dan didiamkan oleh Abu Daud. Manakala martabat seterusnya dianggap sebagai ditolak (*mardud*) melainkan jika terdapat riwayat-riwayat lain. Perawi-perawi di peringkat kelima dan keenam, riwayat mereka akan menjadi *hasan lighayrihi* jika diperkuatkan atau disokong oleh riwayat lain. Perawi di martabat ketujuh sehingga terakhir hukumnya adalah *dha'if* mengikut peringkat-peringkat hadis *dha'if*, iaitu daripada status jenis *dha'if* biasa, *munkar* sehinggalah palsu.⁵¹

Daripada penjelasan ini, diketahui bahawa riwayat perawi *al-Mastur* atau *Majhul al-Hal* adalah lemah di sisi Ahmad Syakir dan riwayat perawi *Majhul al-'Ain* pula sangat *dha'if*.

Selain menggunakan istilah *majhul*, Ibn Hajar juga didapati telah menggunakan istilah lain yang mempunyai kriteria yang sama dengan kriteria perawi *majhul* iaitu perawi yang tidak banyak meriwayatkan hadis dan tiada kritikan atau pujian terhadap kredibilitinya. Jika perawi tersebut terdapat jalur lain yang menyokong (*mutābi'*) riwayatnya dia dinamakan *maqbul* dan jika tiada jalur lain yang menyokong riwayatnya ia dilabel sebagai *layyin al-hadith*. Beliau meletakkan dua istilah ini pada peringkat yang keenam. Kedua-duanya boleh disifatkan sebagai *mastūr* menurut pembahagian Ibn Hajar dalam Nuzhat al-Nazar. namun, beliau dalam kitab

⁴⁹ Ibn Abu Hatim, 'Abd al-Rahman bin Abu Hatim (1952), *al-Jarh wa al-Ta'dil*, Hyderabad: Dairah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah. Jil. 2 hlm. 36.

⁵⁰ Ibn Hajar, Ahmad bin 'Aliyy (t.t.), *Taqrib al-Tahdhib*, Kaherah: al-Maktabh al-Tawqifiyyah. Hlm. 20.

⁵¹ Ahmad Muhammad Syakir (1979), *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath. Hlm. 101.

Taqrīb al-Tahdhīb telah menggunakan istilah khusus bagi membezakan kedua-duanya iaitu *maqbul* dan *mastur*.

Berbeza halnya jika yang meriwayatkan hadis daripada perawi *majhul* itu adalah seorang yang *dha'if* (lemah), ia boleh dinilai sebagai *dha'if* jenis berat. Ibn Hibban berkata: “Adapun perawi-perawi yang *majhul* yang hanya perawi yang *dha'if* yang meriwayatkan daripada mereka, mereka adalah perawi-perawi yang *matruk* (ditolak)”.⁵²

Daripada penjelasan-penjelasan tadi, dapat dilihat terdapat pelbagai pandangan tentang status riwayat perawi *majhul*. Walaupun kebanyakan pandangan menolaknya atau menganggapnya *dha'if*, tetapi terdapat juga pandangan yang menerimanya. Kepelbagaian pandangan yang mempunyai evolusinya sehingga akhirnya diterimapakai oleh ulama kontemporari sebagai:

Menurut Al-Albani, riwayat perawi *al-Mastur* atau perawi seumpama dengannya yang terdapat kebarangkalian mereka *thiqah* tidak dapat diputuskan sama ada diterima atau ditolak. Hukum status riwayat mereka adalah *mawquf* (tiada hukum) sehinggalah jelas keadaan mereka yang sebenar sebagaimana pendapat Imam al-Haramain. Riwayat mereka, bagi beliau boleh diterima jika terdapat ramai perawi *thiqah* yang meriwayatkan daripada mereka dan tidak terdapat masalah dalam periwayatan mereka. Beliau turut menyatakan bahawa inilah pandangan kebanyakan ulama mutakhir seperti Imam Ibn Kathir, al-Iraqi, Ibn Hajar dan lain-lain.⁵³

Abdullah bin Yusuf al-Judai' pula menyatakan bahawa para ulama menggunakan alasan *al-Jahalah* sebagai faktor *mendhai'fkan* perawi jenis ini. Para ulama banyak menolak hadis mereka dengannya.⁵⁴

Nur al-Din 'Itir berpandangan bahawa pandangan yang tepat daripada kebanyakan ulama hadis dan ulama selain mereka adalah hadis perawi *majhul* ditolak. Meskipun terdapat pandangan yang menerima sepenuhnya, namun pandangan ini ditolak dan tidak boleh diambil kira.⁵⁵

Mahmud Tahhan pula meletakkan perbincangan perawi *majhul* dalam kategori hadis yang ditolak.⁵⁶ Hal ini menunjukkan bahawa beliau menolak hadis perawi *majhul*.

Hatim 'Arif al-'Awni berbeza pandangan daripada kebanyakan mereka. Beliau berpandangan bahawa hadis perawi *Majhul al-Hal* adalah *tawaqquf*, iaitu tiada hukum padanya sepertimana pandangan Imam al-Haramian dan al-Albani. Hadis mereka tidak boleh dihukum *dha'if* jenis ringan atau berat. Ia bergantung pada isi kandungannya. Begitu juga hukum hadis perawi *Majhul al-'Ain*.⁵⁷

⁵² Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban. 1976. *Al-Majruhin min Al-Muhaddithin wa Al-Dhu'afa wa Al-Matrukin*. Aleppo: Dar Al-Wa'i. Jld. 2. Hlm 193.

⁵³ Al-Albani, Nasir al-Din. *Tamam al-Minah*. Riyadh: Dar al-Rayah. Hlm. 20.

⁵⁴ Al-Jadi', Abdullah Yusuf. 2003. *Tahrir Ulum al-Hadith*. Beirut: Muassasah al-Rayyan. Hlm. 486.

⁵⁵ 'Itr. *Op cit*. hlm. 90.

⁵⁶ al-Tahhan, Mahmud, 2004, *Taysir Mustalah al-Hadith*. Hlm. 150.

⁵⁷ Al-'Uni. Hatim bin 'Arif. 1421H. *Khulasah al-Taksil li 'Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil*. Dar 'Alam al-Fawaid. Hlm 12.

FAKTOR KEDHA'IFAN

Jika dilihat dari sudut sejarah perkembangan syarat penerimaan hadis, perletakan apa-apa syarat bagi hadis sahih dibuat bagi mengelakkan riwayat palsu atau yang tidak dapat dipastikan kesahihannya disebarkan. Atas dasar ini, kita melihat ramai ulama yang menolak riwayat perawi *al-Majhul* disebabkan mereka tidak dapat mengenalpasti kredibiliti perawi tersebut untuk riwayat mereka diterima.

Adapun berkaitan faktor *pendha'ifan*, Imam Ibn Hibban ketika memberi komentar pada Abdullah bin al-Muammal beliau berkata: *“Dia seorang perawi yang mempunyai sedikit hadis dan dia adalah munkar. Tidak boleh menerima hadisnya jika dia bersendirian dalam meriwayatkannya. Hal ini kerana tidak jelas keadaannya di sisi kami untuk menerima hadis yang diriwayatkannya secara bersendirian...tidak patut bagi kami melabelkan thiqah terhadap orang yang kami tidak mengenalinya secara yakin. Hal ini berkemungkinan menyebabkan kami akan menghalalkan perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang halal dengan riwayat orang yang tidak thiqah atau akan menyebabkan kami menyandarkan kepada Rasulullah SAW sesuatu yang baginda tidak katakan. Begitu juga tidak patut bagi kami untuk melabelkan sebagai dha'if orang yang tidak dha'if.”*⁵⁸

Imam al-Sakhawi pula berpandangan bahawa perawi *majhul* tidak diterima riwayatnya atas beberapa faktor: 1. Ijmak ulama tidak menerima hadisnya kerana perawi yang tiada *al-‘Adalah* tidak dapat digelar *thiqah*, 2. Disebabkan wujud keraguan padanya, iaitu sepertimana halnya perawi fasik, kanak-kanak dan orang kafir. 3. Tidak boleh mengikut sangkaan baik dalam masalah ini sepertimana tidak boleh mengikut sangkaan baik dalam masalah mengikut fatwa mufti yang diragui kelayakkannya.⁵⁹

PERBINCANGAN

Daripada definisi dan perbahasan berkaitan status riwayat perawi *majhul*, didapati bahawa para ulama membahaskan masalah ini kerana mereka mengambil berat tentang kredibiliti perawi yang meriwayatkan hadis dan disebabkan perkaitannya dengan masalah pentashihaan hadis. Timbulnya golongan pereka hadis dan perawi yang bermasalah menyebabkan personaliti dan kredibiliti perawi perlu benar-benar dikenalpasti. Kewujudan seorang perawi yang meriwayatkan daripada mereka, bilangan riwayat mereka sedikit dan ulama tidak mengenali mereka dengan tidak memberi apa-apa komentar terhadap kredibiliti mereka menyebabkan timbul keraguan pada kredibiliti mereka. Keraguan inilah yang menyebabkan ramai ulama yang menolak periwayatan mereka. Penolakan ini bukanlah berdasarkan kepastian mereka bahawa mereka tidak berkredibiliti, tetapi kerana sikap berhati-hati agar mengelakkan daripada hadis yang bermasalah.

Meletakkan kriteria perlu ada dua orang perawi yang meriwayatkan daripada mereka agar mereka tidak dikira sebagai *majhul* bukanlah satu ijtihad atau peletakan syarat tanpa bukti yang dilakukan oleh Imam al-Khatib.⁶⁰ Pandangan beliau mempunyai sandarannya, iaitu melalui cara Imam al-Bukhari dan Imam Muslim yang meletakkan syarat untuk menerima seseorang perawi dikira sebagai sahabat Nabi SAW dengan perlu terdapat dua orang atau lebih orang yang meriwayatkan daripadanya sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Bayhaqi.⁶¹ Pun

⁵⁸ Ibn Hibban. Op cit. Jld. 2. Hlm 28.

⁵⁹ Al-Sakhawi. Op cit. Jld. 2. Hlm 60.

⁶⁰ Al-Zarkasyī, op. cit. Jld. 3. Hlm. 392.

⁶¹ Ibid. Jld. 3. Hlm. 384.

begitu, ada ulama yang mendefinisikan perawi jenis ini secara umum dan ada yang mendefinisikannya secara terperinci sepertimana Imam al-Khatib.

Begitu juga dengan halnya status hadis mereka. Terdapat ulama yang menghukum hadis mereka secara umum iaitu kesemuanya *dha'if* dan ada yang menghukumnya secara terperinci. Banyak pandangan yang menghukum hadis perawi *Majhul al-'Ain* sebagai *dha'if*. Namun dalam hal perawi *Majhul al-Hal*, ramai mereka yang kurang menjelaskan tentang kedudukannya. Ibn Hajar, sebagai ulama yang dirujuk oleh ulama kontemporari, walaupun dilihat seperti cenderung untuk ber'*tawaqquf*' dalam memberi hukum, tetapi beliau meletakkan perawi *majhul* dalam kategori perawi yang lemah. Hal ini dilihat antara faktor yang menyebabkan beberapa ulama kontemporari seperti Abdullah bin Yuduf al-Jadi', Nur al-Din, 'Itir Mahmud Tahhan menghukum hadis mereka sebagai lemah. Al-Albani juga walaupun secara teorinya berpandangan bahawa hadis perawi *majhul* tidak semestinya *dha'if*, tetapi secara praktikal, beliau banyak mendha'ifkan hadis yang diriwayatkan oleh perawi *majhul*, sama ada perawi jenis *Majhul al-Hal* atau *Majhul al-'Ain*.⁶² Pun begitu, terdapat ulama kontemporari lain yang cenderung untuk tidak menghukum sebarang hukum ke atas riwayat mereka, seperti al-'Awni.

Pandangan yang berpendapat bahawa hadis perawi *Majhul al-'Ain* sebagai *dha'if* boleh diterima kerana berhati-hati dalam menerima riwayat itu penting. Apatah lagi jika ulama tidak mengenali personaliti mereka. Disebabkan kepastian tentang kredibiliti mereka sukar untuk dikenalpasti, menghukum mereka sebagai *dha'if* juga dilihat tidak tepat sepertimana pandangan Imam al-Haramain. Justeru, antara cara yang dilihat boleh memutuskan tentang keadaan krediliti mereka adalah dengan meletakkan syarat bahawa riwayat mereka perlu mempunyai sokongan, perawi yang meriwayatkan daripada mereka *thiqah* dan riwayat mereka tidak bercanggah dengan riwayat lain. Pandangan al-Zahabi dan Ibn Kathir yang membahagikan perawi *majhul* kepada beberapa bahagian berdasarkan generasi mereka juga boleh dipertimbangkan untuk diaplikasikan dalam menilai kredibiliti dan hadis mereka. Namun, perkara ini memerlukan kepada penelitian yang mendalam sebelum dapat diaplikasikan sepenuhnya. Jika riwayat mereka bercanggah dengan mana-mana prinsip Islam dan ilmu hadis barulah mereka dan riwayat mereka dianggap *dha'if*.

KESIMPULAN

Masalah riwayat perawi *majhul* sama ada *sahih* atau *dha'if* antara masalah penting dalam ilmu hadis. Perbincangan tentang mereka banyak terdapat dalam kitab Ulum Hadis kerana banyak riwayat mereka terdapat dalam kitab-kitab hadis. Terdapat sedikit perbezaan ulama dalam pandangan dalam mendefinisikan istilah *majhul*. Namun, para ulama banyak berbeza pandangan tentang sama ada hadis mereka diterima atau ditolak. Walaupun para ulama seolah-olah bersepakat tentang status riwayat perawi *Majhul al-'Ain* ditolak. Namun, pandangan mereka tentang status riwayat perawi *Majhul al-Hal* agak berbeza. Pandangan yang berpendapat bahawa hadis perawi *Majhul al-'Ain* sebagai *dha'if* boleh diterima kerana berhati-hati dalam menerima riwayat adalah penting. Apatah lagi jika ulama tidak mengenali personaliti mereka. Ulama kontemporari banyak menolak hadis perawi *majhul* secara total kerana bersandarkan kepada pandangan ulama tertentu. Namun, disebabkan kredibiliti perawi berstatus *majhul* tidak dapat diputuskan dengan mudah kerana tiada kepastian tentang mereka, maka menghukum mereka dan hadis mereka sebagai *dha'if* juga dilihat tidak tepat sepertimana pandangan Imam al-Haramain. Justeru, antara cara yang dilihat boleh memutuskan tentang

⁶² Lihat pada kitab beliau Da'if Abi Daud, Da'if al-Tirmizi, Silsilah al-Ahadith al-Dha'ifah wa al-Mawdu'ah.

keadaan krediliti mereka dan hadis mereka adalah dengan hadis mereka perlu mendapat sokongan, melihat siapa yang meriwayatkan daripada mereka dan tidak terdapat percanggahan antara riwayat mereka dengan riwayat lain. Pandangan al-Zahabi dan Ibn Kathir yang membahagikan perawi *majhul* kepada beberapa bahagian berdasarkan generasi mereka juga boleh dipertimbangkan untuk diaplikasikan dalam menilai kredibiliti dan hadis mereka. Namun, perkara ini memerlukan kepada menelitan yang mendalam sebelum diaplikasikan sepenuhnya. Jika riwayat mereka bercanggah dengan mana-mana prinsip Islam dan ilmu hadis barulah mereka dianggap *dha'if*.

RUJUKAN

- Abu Daud, Sulayman bin al-Asy'ath. 2009. Sunan Abu Daud. T.t: Dar al-Risalah al-Ilmiyyah.
- Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. 1403H. al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith. Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. 1411H. al-Difa' 'an al-Sunnah wa Rad Syubah al-Mustasyriqin wa al-Kuttab al-Mu'asirin. Beirut: Dar al-Jail.
- Ahmad Muhammad Syakir 1979, al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Al-Albani, Nasir al-Din. Tamam al-Minah. Riyadh: Dar al-Rayah.
- al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. 1997. Al-Asma' wa al-Shifat. T.t.: Dar al-Yayl.
- Al-Iraqi, 'Abd al-Rahim bin al-Husain. 2002. Syarh al-Tabshirah wa al-Tazkirah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Iraqi, 'Abd al-Rahim bin al-Husain. 1428H. Alfiyah al-Iraqi. Riyadh: Dar al-Minhaj.
- Al-Jadi', Abdullah Yusuf. 2003. Tahrir Ulum al-Hadith. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakar 'Ali bin Thabit. 1972. Al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah. Kaherah: Al-Kutub al-Hadithah.
- Al-Khattabi, Hamd bin Muhammad. 1932. Ma'alim al-Sunan. Aleppo: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah.
- Al-Mardawi, 'Ali bin Sulaiman. 2000. Al-Tahbir fi Syarh al-Tahrir. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman, 1426H. al-Fath al-Mughith. Riyadh: Dar al-Minhaj.
- Al-Syafie, Muhammad bin Idris. 1990. Ikhtilaf al-Hadith. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syafie, Muhammad bin Idris. 2001. al-Umm. Kaherah: Dar al-Wafa,
- Al-Tabisi, Sultan Fahd. Al-Majhul al-Lazi Sahaha Abu Hatim al-Razi Hadithahu. Hauliyyah Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah, 6 (17).
- Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad. 1967. Diwan al-Dhu'afa wa al-Matrukin wa Khalqun min al-Majhulin wa Thiqaat fi him Lin. Mekah: Maktabah al-Nahdhah al-Hadithah.
- Al-Zarkasyi, Muhammad bin Jamal al-Din 1998. Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salaf. Riyad: Adwa' al-Salaf.
- Al-'Uni. Hatim bin 'Arif. 1421H. Khulashah al-Taksil li 'Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil. Dar 'Alam al-Fawa'id.
- Ibn Abi Hatim, 'Abd al-Rahman bin Abu Hatim. 1952, al-Jarh wa al-Ta'dil, Hyderabad: Dairah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin cAli al-cAsqalani. 1997. Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikr. cAmman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin cAli al-cAsqalani. 2002. Lisan al-Mizan. T.t.: Dar-al-Basyair al-Islamiyyah.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban. 1976. Al-Majruhin min Al-Muhaddithin wa Al-Dhu'afa wa Al-Matrukin. Aleppo: Dar Al-Wa'i.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukram. T.t. Lisan al-'Arab. Beirut: Dar Shadir.
- Ibn Rajab, 'Abd al-Rahman ibn Ahmad. Sharh 'ilal al-Tirmidhi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Salah, 'Utman bin 'Abd al-Rahman. 2001. al-Muqaddimah. Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah.
- 'Itr, Nur al-Din. 1997. Manhaj al-Naqdi fi 'Ulum al-Hadith. Damsyiq: Dar al-Fikr..
- Mahmud Tahhan. 1996. Taisir Mustalah al-Hadith, al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Kawaid, A.I.S.D., Bakar, A.I.A., Yabi, S. and Kawaid, M.K.N.M.D., 2022. Kitab Arba'un Hadithan Fi Ishtina' Al-Ma'ruf Bayna Al-Muslimin Oleh Imam Al-Mundhiri: Satu Kajian Takhrij: Kitab Arba'un Hadithan fi Ishtina' al-Ma'ruf Bayna al-Muslimin by Imam al-Mundhiri: A Takhrij Study. *Journal Of Hadith Studies*, pp.35-45.

- Kawaid, A.I.S.D., Hassan, S.N.S., Aris, H., Ghazali, N.M., Marhusin, M.F., Azman, N., Shah, N.F.M.N. and Nor, Z.M., 2023. Pembinaan Pangkalan Data Hadis Lengkap Dalam Bahasa Melayu Untuk Data Raya (Big Data): Kajian Kes Terhadap Cabaran Yang Dihadapi Oleh Kumpulan I-Status Hadis: Challenges Faced by the i-Status Hadith Group in Establishing Complete Hadith Database for Digital Data Purposes: A Case Study. *Journal Of Hadith Studies*, pp.82-93.
- Qasim Muhammad Ghanam & Ahmad Abdullah Ahmad. 2004. Al-Majhul 'inda al-Imam 'Ali ibn al-Madini. *Al-Manarah*, 10 (1).